

Peraduan “CARNATION® Go Gourmet Australia”

Dengan menyertai Peraduan “CARNATION® Go Gourmet Australia” (“Peraduan”), anda (“Peserta”) mengakui telah membaca dan bersetuju untuk menerima Terma dan Syarat yang tersenarai seperti berikut:-

TERMA DAN SYARAT

1. Peraduan ini terbuka kepada warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun dan ke atas (pada Disember 2019), kecuali kakitangan F&N Beverages Marketing Sdn. Bhd. (Co. No. 004594-A) (“Pihak Penganjur”) dan ahli keluarga terdekatnya, syarikat sekutunya, rakan kongsi perniagaan, pembekal/pengedar, agensi promosi/pengiklanan/perhubungan awam dan pihak lain yang terlibat dalam Peraduan ini.
2. Peraduan ini berlangsung dari 8hb Disember 2019 12:00 pg sehingga 15hb Februari 2020 11:59 ptg (“Tempoh Peraduan”). Pihak Penganjur berhak untuk meminda, melanjutkan atau menamatkan Tempoh Peraduan pada bila-bila masa tanpa memberikan notis terlebih dahulu.

KRITERIA KELAYAKAN

Dalam Tempoh Peraduan, Peserta yang layak perlu membeli mana-mana dua (2) produk CARNATION® yang turut serta (CARNATION® Krimer Sejat 390g dan/atau CARNATION® Krimer Manis 500g) dalam satu (1) resit tunggal (“Bukti Pembelian”) untuk satu (1) penyertaan yang layak (“Penyertaan Layak”) dan akan diberikan satu (1) nombor siri peraduan.

Contoh: Farhana membeli 10 tin CARNATION® Krimer Sejat 390g di dalam satu resit, dia akan layak untuk menerima 5 penyertaan secara automatik.

KAEDAH PENYERTAAN

Bukti Pembelian adalah sah untuk satu (1) kaedah penyertaan sahaja – melalui pos biasa **ATAU** melalui WhatsApp. Sekiranya Bukti Pembelian yang sama dikemukakan melalui kedua-dua kaedah penyertaan, Pihak Penganjur berhak untuk membatalkan salah satu kaedah penyertaan tanpa memberi notis terlebih dahulu. Bukti Pembelian asal yang dicetak dengan keterangan produk yang turut serta akan layak untuk menyertai Peraduan ini. Pihak Penganjur berhak untuk membatalkan Bukti Pembelian yang disyaki telah diubahsuai, salah, tidak lengkap, sukar dibaca dan butiran yang tidak sah atau penyertaan tanpa Bukti Pembelian.

Melalui pos biasa

1. Setiap borang penyertaan mesti dilengkapi dengan butiran peribadi, jawapan betul kepada soalan yang dikemukakan dan disertakan dengan resit asal sebagai Bukti Pembelian. **Label tidak akan diambil kira sebagai Bukti Pembelian.**
2. Hanya Penyertaan yang dihantar melalui pos biasa ke **Peraduan “CARNATION® Go Gourmet Australia”, P.O. Box 3373, 47509 Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan** pada atau sebelum 15hb Februari 2020 akan diterima. Penyertaan yang dihantar melalui penghantaran cepat, PosLaju, perkhidmatan kurier atau mana-mana perkhidmatan pos lain akan dibatalkan secara automatik.
3. Peserta boleh menghantar lebih daripada satu (1) penyertaan di dalam satu (1) sampul surat asalkan setiap penyertaan terdiri daripada satu (1) borang penyertaan bersama Bukti Pembelian yang diperlukan.
4. Borang penyertaan Peraduan yang asal, diperolehi dari belakang label, borang penyertaan saiz A5, fotostat, cetakan yang dimuat turun daripada laman web, www.fn.com.my adalah dibenarkan.

5. Bukti kiriman pos tidak akan dianggap sebagai bukti penyertaan. Penyertaan yang tidak lengkap, sukar dibaca, rosak, lewat, tidak mempunyai Bukti Pembelian yang betul/mencukupi akan dibatalkan secara automatik. Pihak Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap penyertaan yang hilang, tersilap alamat dan tersilap hantar.

Melalui WhatsApp

1. Jawab soalan mudah: **Hadiah utama untuk Peraduan “CARNATION® GO Gourmet Australia” adalah percutian ke Australia untuk dua orang. Betul atau Salah?**
2. Hantar gambar resit yang jelas ke 012-909 8806 dengan butiran berikut:
CARNATION, Nama, NRIC, Jawapan
Contoh: CARNATION, Farhana Nizam, 830318068120, Betul
Simpan resit asal untuk tujuan pengesahan jika anda dipilih sebagai pemenang.
3. Penyertaan yang dihantar melalui WhatsApp sebelum 8hb Disember 2019 12:00 pg dan selepas 15hb Februari 2020 11:59 ptg akan dibatalkan secara automatik. Penyertaan yang dihantar melalui aplikasi pesanan teks selain WhatsApp tidak akan dilayan.
4. Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan asalkan setiap penyertaan dihantar dengan resit yang diperlukan sebagai Bukti Pembelian. Bukti penghantaran melalui WhatsApp tidak akan dianggap sebagai Bukti Pembelian.

HADIAH PERADUAN

1. Hadiah Utama x satu (1) pemenang x sepuluh (10) minggu – 5H3M Pakej Percutian ke Australia untuk dua (2) orang (“Percutian Kumpulan”).
 - a. Percutian Kumpulan termasuk:-
 - i. Tiket penerbangan pergi balik untuk Kelas Ekonomi ke Australia. Penerbangan bertolak dari Kuala Lumpur, Malaysia;
 - ii. Penginapan untuk 3-malam termasuk sarapan harian. Setiap pemenang dan teman perjalanannya yang dilantik akan berkongsi satu (1) bilik berkembar;
 - iii. Perancangan darat dan makanan/minuman yang dinyatakan, tertakluk kepada perancangan jadual terakhir; dan
 - iv. Bayaran cukai lapangan terbang dan surcaj bahan api.
 - b. Setiap pemenang Hadiah Utama perlu melantik satu (1) teman perjalanan yang berwarganegara Malaysia (“Teman Perjalanan”). Semua pemenang Hadiah Utama dan Teman Perjalanan masing-masing dikehendaki bertolak dan sentiasa bersama kumpulan percutian pada setiap masa mengikut jadual perjalanan yang telah dirancang oleh Pihak Penganjur. Semua pemenang dan Teman Perjalanan masing-masing dikehendaki membeli insuran perjalanan masing-masing untuk Percutian Kumpulan ini. Sekiranya pemenang dan/atau Teman Perjalanannya tidak boleh menyertai Percutian Kumpulan atas apa jua sebab, hadiah yang dimenangnya akan dilucuthakkan dan sebarang permintaan penebusan, pengantian ataupun pemindahan milik tidak akan dilayan.
 - c. Percutian Kumpulan akan bertolak dari Kuala Lumpur ke Australia dan pulang ke Kuala Lumpur. Sebarang perbelanjaan oleh pemenang dan Teman Perjalanannya untuk menyertai Percutian Kumpulan termasuk dan tidak terhad kepada kos perjalanan dan kos kediaman yang ditanggung sendiri oleh pemenang. Hadiah Utama tidak termasuk wang perbelanjaan, dokumen perjalanan, levi pelepasan udara, perlindungan kemalangan individu, insuran perjalanan, bayaran tip, pembelian bar mini dalam bilik

hotel, perkhidmatan pencucian baju dan lain-lain kos perbelanjaan. Perbelanjaan ini adalah ditanggung sendiri oleh pemenang. Sebarang perkhidmatan yang termasuk dalam Percutian Kumpulan tidak boleh ditebus, ditukar kepada wang tunai ataupun dipindah milik sekiranya perkhidmatan tersebut tidak digunakan.

- d. Di mana yang berkenaan, pemenang dan Teman Perjalanannya bertanggungjawab untuk memastikan mereka mempunyai VISA dan pasport yang sah dengan tempoh sah sekurang-kurangnya enam (6) bulan dari tarikh perlepasan. Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab atas sebarang penolakan kemasukan oleh imigresen yang berlaku ke atas pemenang dan Teman Perjalanannya atas apa jua sebab. Sebarang permintaan penebusan hadiah, pembayaran balik atau gantian kos perbelanjaan yang mungkin dikenakan disebabkan kejadian penafian kemasukan oleh imigresen tidak akan dilayan.
 - e. Percutian Kumpulan adalah tertakluk kepada terma dan syarat agen perlancongan terlantik. Tarikh Percutian Kumpulan akan ditentukan oleh Pihak Penganjur. Pihak Penganjur berhak atas budi bicaranya untuk memindah sebarang terma berkenaan Percutian Kumpulan dari semasa ke semasa berdasarkan perancangan jadual perjalanan yang ditetapkan.
2. Hadiah Bonus x sepuluh (10) pemenang x sepuluh (10) minggu: Satu (1) unit Wokpan Tefal.
 3. Semua hadiah yang dituntut adalah tertakluk kepada terma seperti yang dinyatakan dalam surat pengesahan/perjanjian hadiah/baucar hadiah. Hadiah mesti dituntut dalam tempoh yang ditetapkan. Hadiah yang tidak dituntut akan dibatalkan. Sekiranya hadiah yang ternyata tidak didapati atas apa jua keadaan, Pihak Penganjur berhak untuk menggantikan hadiah dengan hadiah lain tanpa sebarang notis. Hadiah tidak boleh ditukar kepada wang tunai, dipindah milik dan akan dipersembahkan kepada pemenang yang memenuhi kesemua syarat di dalam Terma dan Syarat ini.

PEMILIHAN PEMENANG

1. Semua penyertaan yang layak akan melalui satu pemilihan janaan komputer setiap minggu untuk memilih satu (1) finalis untuk Hadiah Utama dan sepuluh (10) finalis untuk Hadiah Bonus mengikut penyertaan yang diterima untuk tempoh seperti di bawah:

Minggu	Tempoh	Tarikh Pemilihan
1	8 Disember 2019 12:00 pg - 14 Disember 2019 11:59 ptg	2 Januari 2020
2	15 Disember 2019 12:00 pg - 21 Disember 2019 11:59 ptg	9 Januari 2020
3	22 Disember 2019 12:00 pg - 28 Disember 2019 11:59 ptg	16 Januari 2020
4	29 Disember 2019 12:00 pg – 4 Januari 2020 11:59 ptg	23 Januari 2020
5	5 Januari 2020 12:00 pg - 11 Januari 2020 11:59 ptg	30 Januari 2020
6	12 Januari 2020 12:00 pg - 18 Januari 2020 11:59 ptg	6 Februari 2020
7	19 Januari 2020 12:00 pg – 25 Januari 2020 11:59 ptg	13 Februari 2020
8	26 Januari 2020 12:00 pg – 1 Februari 2020 11:59 ptg	20 Februari 2020
9	2 Februari 2020 12:00 pg - 8 Februari 2020 11:59 ptg	27 Februari 2020
10	9 Februari 2020 12:00 pg – 15 Februari 2020 11:59 ptg	5 Mac 2020

2. Sekiranya Peserta tidak memenangi Hadiah Utama atau Hadiah Bonus untuk tempoh yang dinyatakan, maka penyertaan Peserta akan diambil kira untuk pemilihan pada minggu seterusnya.
3. Keputusan untuk pemilihan pemenang adalah muktamad dan surat menyurat tidak akan dilayan.
4. Peserta boleh memenangi maksimum satu (1) Hadiah Utama ATAU satu (1) Hadiah Bonus untuk peraduan ini.
5. Pihak Penganjur akan berusaha untuk menghubungi Finalis untuk Hadiah Utama menerusi telefon berdasarkan butiran dalam borang penyertaan sebanyak tiga (3) percubaan. Jika Finalis tidak dapat dihubungi, Pihak Penganjur berhak untuk menggantikan Finalis tersebut dengan Finalis yang seterusnya.
6. Pemenang untuk peraduan ini akan diumumkan di www.fn.com.my.
7. Pihak Penganjur berhak untuk menentukan, mengubah atau melanjutkan pengumuman pemenang tanpa memberi sebarang notis.
8. Sekiranya pemenang-pemenang dikehendaki menghadiri majlis penyampaian hadiah dan/atau mengambil bahagian dalam program-program publisiti (jika berkenaan) yang akan diadakan oleh Pihak Penganjur dari semasa ke semasa, segala perbelanjaan untuk menghadiri majlis tersebut adalah atas tanggungan pemenang sendiri. Pihak Penganjur akan memberi notis sekurang-kurangnya satu (1) minggu sebelum anjuran majlis tersebut.
9. Pihak Penganjur berhak untuk membatalkan kelayakan penyertaan dan/atau individu berikut tanpa memberikan sebarang bukti atau penjelasan kepada Peserta: - Mana-mana penyertaan yang disyaki bersindiket; pemerolehan resit (Bukti Pembelian) secara haram; Dan penyertaan yang boleh dipertikaikan dan dipersoalkan oleh Pihak Penganjur.
10. Pihak Penganjur berhak menentukan cara penghantaran hadiah kepada pemenang. Semua pengaturan penghantaran hadiah adalah berdasarkan butiran dalam borang penyertaan Peserta. Peserta bertanggungjawab atas pemberian alamat yang betul, sah dan lengkap. Pihak Penganjur tidak bertanggungjawab atas sebarang hadiah yang tidak diterima. Pihak Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap kecacatan, kehilangan, kerosakan atau kecurian yang berlaku semasa proses penghantaran dan penerimaan hadiah. Pemulangan hadiah oleh pemenang disebabkan oleh sebarang keadaan tidak akan dilayani.

LAIN-LAIN

1. Semua borang penyertaan dan Bukti Pembelian yang dikemukakan untuk penyertaan Peraduan ini akan menjadi hak milik Pihak Penganjur.
2. Dengan menyertai Peraduan ini dan penerimaan hadiah, Peserta bersetuju dan memberi kebenaran kepada Pihak Penganjur untuk menggunakan nama, alamat, gambar, butiran peribadi, dokumen, dan maklumat tanpa sebarang bayaran royalti dan/atau bayaran pampasan untuk tujuan pengiklanan dan semua bentuk publisiti yang lain, termasuk, tanpa had kepada sebarang rakaman berkaitan dengan Peraduan ini dari semasa ke semasa.
3. Pihak Penganjur berhak memindahkan butiran peribadi yang diberikan dalam Peraduan ini (termasuk tetapi tanpa had untuk, nama, alamat, nombor telefon, nombor kad pengenalan) kepada agensi terlantik bagi segala tujuan pengurusan Peraduan ini dan perhubungan dengan Peserta. Pihak Penganjur akan berusaha sedaya upaya untuk memastikan segala butiran peribadi adalah sulit dan dilindungi daripada penyalahgunaan.

4. Pihak Penganjur dan kesemua pihak lain yang terlibat dalam Peraduan ini, termasuk agensi yang dilantik, pengarah, pegawai dan ejen mereka tidak bertanggungjawab dalam apa-apa cara sekalipun, termasuk sebarang tindakan, kesulitan, kejadian atau gangguan yang berlaku akibat daripada dan tidak terhad kepada:- Serangan virus komputer dan lain-lain; Kejadian di luar kawalan Pihak Penganjur secara langsung atau tidak seperti kebakaran, banjir, kerosuhan dan lain-lain; Campur tangan oleh pihak yang tidak berkenaan semasa Peraduan ini; Kesilapan elektronik atau manusia dalam pentadbiran Peraduan dan pemrosesan penyertaan; Dan sebarang penyertaan yang hilang, dicuri, rosak, salah dihantar atau tidak diterima.
5. Semua Peserta bertanggungjawab sepenuhnya atas sebarang kecederaan, kerosakan atau tuntutan yang disebabkan, secara langsung atau tidak oleh penyertaan mereka dalam Peraduan ini dan juga daripada penebusan atau penggunaan hadiah. Peserta adalah atas tanggungan sendirinya untuk sebarang cukai, insurans, atau perbelanjaan yang mungkin dikenakan disebabkan oleh penyertaan dalam Peraduan ini atau memenangi hadiah berkenaan. Dengan menerima atau menggunakan mana-mana hadiah, Peserta bersetuju untuk melepaskan tanggungan Pihak Penganjur, semua rakan niaganya dan pihak lain yang berkaitan dengan Peraduan ini, termasuk pengarah, pegawai, kakitangan dan ejen mereka daripada mana-mana tuntutan, pendakwaan, penghakiman, kerosakan, kerugian atau liabiliti yang ditanggung, berkaitan dengan penyertaannya dalam Peraduan ini dan penerimaan, penebusan atau penggunaan mana-mana hadiah.
6. Pihak Penganjur tidak bertanggungjawab dan adalah bebas daripada sebarang liabiliti berkenaan dengan kesulitan, kualiti, ketepatan penggunaan, dan/atau keaslian maklumat hadiah Peraduan ini dalam paparan pemasaran, penyampaian media pengiklanan.
7. Pihak Penganjur boleh atas budi bicaranya, menambah, menggugurkan, mengubahsuai atau meminda apa-apa Terma dan Syarat, kaedah Peraduan, hadiah-hadiah yang telah ditetapkan sini atau apa jua yang berkenaan dengan Peraduan ini tanpa notis terlebih dahulu dan Peserta adalah terikat dengan pembaharuan tersebut. Segala pampasan atau tuntutan kerugian, kerosakan dan kesulitan yang berlaku kepada Peserta (sama ada dalam wang tunai atau bentuk lain) disebabkan oleh pemindaan, pembatalan, penamatan atau penggantungan secara langsung atau tidak, sepertimana yang disebut di atas tidak akan dilayani.
8. Sekiranya berlaku percanggahan, konflik, ketidakpastian dalam Terma dan Syarat Peraduan ini, Pihak Penganjur akan membuat penilaian atas budi bicaranya secara mutlak dan segala keputusan oleh Pihak Penganjur adalah muktamad.
9. Peserta memahami bahawa dia mempunyai hak untuk mengakses, membetul atau menarik balik persetujuan untuk mendedahkan maklumat peribadinya yang dipegang oleh Pihak Penganjur. Permintaan tersebut boleh dibuat melalui e-mel di <https://www.fn.com.my/contact-us/> atau pos ke Khidmat Pelanggan F&N Beverages Marketing Sdn. Bhd., No.1, Jalan Bukit Belimbing 26/38, Persiaran Kuala Selangor, Seksyen 26, 40400 Shah Alam, Selangor D.E., Malaysia. Pihak Penganjur menghormati keperibadian individu sehubungan dengan data peribadi yang diberikan oleh Peserta untuk Peraduan ini. Peserta boleh merujuk kepada www.fn.com.my untuk Notis Penuh di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.
10. Terma dan Syarat Peraduan ini terdapat dalam versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Sekiranya terdapat percanggahan antara mana-mana versi Terma dan Syarat, Bahasa Inggeris akan dijadikan rujukan.

NOTIS AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010

Notis data peribadi ini ("Notis") bertujuan untuk memaklumkan anda bahawa data peribadi anda akan diproses oleh atau bagi pihak F&N Beverages Marketing Sdn. Bhd ("F&N" atau "kami").

Seterusnya, dengan penghantaran borang dan WhatsApp untuk Peraduan ini – kaedah penyertaan, anda bersetuju untuk memberi kebenaran untuk memproses data peribadi anda oleh F&N dan agensi terlantik, pembekal dan/atau agensi kerkenaan untuk mengumpul, mengguna dan mendedah data peribadi anda untuk tujuan kaji selidik dan/atau sebarang tujuan pemasaran untuk acara yang akan datang dan tujuan lain yang berkenaan seperti yang dinyatakan dalam Notis ini.

Kami akan memproses data peribadi yang disertakan kepada kami, termasuk apa-apa data peribadi lain yang diminta dalam borang penyertaan Peraduan ini dan menghubungi anda (jika perlu).

F&N akan memproses data peribadi anda, termasuk maklumat tambahan yang diminta kemudian oleh F&N, untuk tujuan perhubungan (jika berkenaan) dan Peraduan ini.

Data peribadi yang diberi mungkin akan didedahkan kepada pembekal perkhidmatan untuk tujuan yang ternyata diatas. Pembekal perkhidmatan termasuk pihak anjuran, urusan atau operasi yang diberikan kuasa untuk Peraduan ini. Anda bertanggungjawab untuk memastikan data peribadi anda yang diberikan kepada kami adalah dikemaskini, tepat, lengkap dan tidak mengelirukan-

Anda boleh mengakses dan meminta perubahan data peribadi anda dan/atau menghadkan pemprosesan data peribadi anda, atau membuat sebarang pertanyaan atau pengaduan mengenai data peribadi anda, melalui emel di <https://www.fn.com.my/contact-us/> atau pos ke Khidmat Pelanggan, F&N Beverages Marketing Sdn. Bhd., No. 1, Jalan Bukit Belimbing 26/38, Persiaran Kuala Selangor, Seksyen 26, 40400 Shah Alam, Selangor D.E., Malaysia.